

01/09/1998

## Kabinet bincang langkah drastik

GEORGETOWN, Isnin - Kabinet akan mengadakan mesyuarat khas di Kuala Lumpur esok untuk membincangkan langkah drastik yang akan diambil kerajaan bagi memulihkan ekonomi negara.

Difahamkan, semua Menteri Kabinet yang berada di sini sejak semalam sempena sambutan Hari Kebangsaan peringkat kebangsaan, sudah dimaklumkan mengenai mesyuarat itu.

Hampir semua menteri pulang ke ibu negara petang ini, manakala Menteri Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik, dijangka berlepas pagi esok selepas menghadiri majlis penghargaan sempena perayaan Hari Kebangsaan di sebuah hotel di sini, malam ini.

Kabinet biasanya mengadakan mesyuarat pada setiap Rabu, tetapi seorang menteri kanan yang ditemui di sini berkata, beliau difahamkan mesyuarat khas itu diadakan bagi membincang dan meluluskan cadangan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

Menurutnya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, juga dijangka mengumumkan pelbagai langkah drastik untuk memulihkan ekonomi negara.

"Bagaimanapun, saya tidak pasti apakah tindakan mengejut yang akan diumumkan Dr Mahathir seperti yang dikatakannya sejak beberapa hari lalu," katanya.

Baru-baru ini, Dr Mahathir meminta rakyat menyokong langkah drastik yang akan diumumkan kerajaan bagi memulihkan ekonomi, walaupun ia mungkin kejutan bagi rakyat.

Perdana Menteri berkata, hanya sokongan padu rakyat dapat memastikan perancangan tambahan itu benar-benar mencapai matlamat tanpa memerlukan bantuan kewangan asing.

(END)